

Ikhlas, tolak-ansur teras jayakan kerjasama politik

Isu kepentingan bersama mampu jalin kesepakatan UMNO, PAS

R amai yang berminat dengan idea kerjasama politik antara UMNO dan PAS. Lebih-lebih lagi selepas pertemuan Presiden UMNO yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dengan Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang dalam satu pentas baru-baru ini.

Bagi pihak yang teruja dengan pertemuan itu percaya PAS telah bekerjasama dan berkemungkinan bergabung dengan UMNO demi perpaduan Melayu dan Islam. Kerjasama PAS dan UMNO dilihat satu-satunya pendekatan yang strategik bagi mempertahankan kedudukan Islam dan Melayu yang semakin tergugat.

Bagi mereka yang sangsi, pertemuan kedua-dua pemimpin tertinggi parti politik Melayu/Islam itu dilihat tidak lebih daripada satu pertemuan biasa yang tidak akan banyak memberi implikasi kepada politik tanah air.

Pengalaman terdahulu kerjasama UMNO dan PAS dijadikan asas kenapa kedua-dua buah parti politik itu tidak boleh bekerjasama. Tumpuan yang sama untuk meraih sokongan orang Melayu oleh UMNO dan PAS sering kali menjadi persaingan bagi kedua-dua parti yang akhirnya boleh membawa kepada perseteruan.

Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global (GMM), Nasharuddin Mat Isa pasti menjadi antara individu yang paling gembira melihat kedua-dua pemimpin Melayu/Islam ini duduk semeja. Nasharuddin adalah pemimpin PAS yang paling berusaha untuk mempertemukan PAS dan UMNO.

Namun, idea kerjasama UMNO dan PAS pada ketika itu ditolak, lebih-lebih lagi pakatan pembangkang baru sahaja memenangi 82 buah kerusi parliment dalam Pilihan Raya Umum 2008. Lebih malang, Nasharuddin didakwa mempunyai kepentingan peribadi apabila mendekati pemimpin UMNO sedangkan pertemuan beliau dengan mantan Presiden UMNO, Tun Abdullah Ahmad Badawi misalnya dalam pengetahuan PAS.

Perpecahan merugikan

Pertemuan Najib dan Hadi baru-baru ini menghangatkan kembali cerita kerjasama antara UMNO dan PAS.

Tidak dinafikan, kerjasama politik atau politik kerjasama menjadi ciri penting dalam politik Malaysia. Tidak satu parti politik pun boleh memenangi dan menubuhkan kerajaan secara sendirian.

BN adalah model kerjasama politik

yang terbukti berjaya. Asas kerjasama yang menggunakan pendekatan perkongsian kuasa antara kaum dan kontrak sosial memberikan suasana memang-menang kepada parti komponen dalam persaingan politik di negara.

Kelebihan BN untuk terus kekal memerintah disebabkan ketidakmampuan parti pembangkang mewujudkan pakatan yang konsisten dan bersifat jangka panjang. Maka atas alasan itulah, parti pembangkang sentiasa mencari ruang dan peluang untuk bekerjasama walau-pun berhadapan dengan cabaran yang besar seperti perbezaan ideologi.

Pakatan Rakyat yang dilihat sebagai satu pakatan pembangkang yang berpotensi memberi saingan sengit kepada BN nampaknya terpaksa dibubarkan kerana pertembungan kepentingan.

Pakatan Harapan sebagai pakatan pembangkang terbaru masih belum diuji kekuatannya. Meskipun dengan kemunculan Parti Amanah Negara (PAN), ia belum boleh memberi jaminan kepada kekuatan pakatan pembangkang.

Dua pihak perlu ikhlas


Berbalik kepada isu kerjasama politik antara UMNO dan PAS, ia perlu dilakukan secara berfokus dengan penuh keikhlasan. Kerjasama ini tidak semestinya berbentuk pakatan pilihan raya seperti tidak bertembung sesama sendiri atau strategi satu lawan satu tetapi lebih kepada persefahaman dalam isu dan kepentingan bersama.

Kerjasama ini pasti akan menguji kedua-dua buah parti menerima perkara yang dipersetujui bersama dan menghormati perbezaan prinsip asal perjuangan masing-masing.

Apakah beban polemik hukum hudud yang selama ini ditanggung oleh pakatan pembangkang kini terpaksa pula dihadapi oleh UMNO dan parti komponen BN? MCA sejak awal-awal lagi memberi peringatan agar PAS tidak bawa agenda hukum hudud jika mahu bekerjasama dengan UMNO dan BN.

Politik kerjasama memerlukan sikap muafakat, tolak-ansur, kompromi selain pemimpin yang berjiwa besar. Itu adalah kunci kepada kejayaan kerjasama politik. Ini penting lebih-lebih lagi UMNO dan PAS telah melalui pengalaman pahit ketika bekerjasama dalam kerajaan campuran di Kelantan dan BN antara tahun 1973 hingga 1977.

PAS sendiri belum sembuh daripada luka kegagalan kerjasama politiknya dalam pakatan pembangkang. Sama ada di pihak kerajaan maupun pembangkang, masing-masing akan memperkuatkan kerjasama demi *survival* politik masing-masing. Apa yang pasti, cerita kerjasama politik antara UMNO dan PAS dijangka menjadi tajuk utama politik tanah air tahun hadapan.



ialah Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM).



Mohd Izani
Mohd Zain



Teo Kok
Seong